



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/6/2021	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	KeTSA			

### KeTSA henti lulus aktiviti melombong di kawasan diwartakan

**SHAH ALAM** - Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) tidak akan mengeluarkan sebarang kelulusan untuk aktiviti perlombongan di kawasan pemeliharaan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Kawasan Rizab Perlindungan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, langkah tersebut turut merangkumi kawasan yang telah diwartakan secara khusus seperti tadahan air atau Kawasan Sensitif Alam Sekitar

(KSAS).

Menurut beliau, selaras dengan fungsi kawal selia yang diperuntukkan kepada KeTSA, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) juga tidak akan mengeluarkan sebarang Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) bagi permohonan dalam kawasan berkenaan.

"Kelulusan untuk kawasan selain daripada itu adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan teknikal yang dapat menyediakan suatu tempat kerja selamat

dan tidak membahayakan komuniti bersebelahan merangkumi flora dan fauna," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sementara itu, Shamsul berkata, pihaknya akan sentiasa menyokong usaha dan komitmen kerajaan negeri Pahang dalam memelihara tapak rizab biosfera Tasik Chini.

Dalam usaha tersebut, katanya, KeTSA sentiasa menekankan kepentingan memelihara kelestarian kawasan tapak rizab biosfera di Tasik Chini.